

**JABATAN BENDAHARI • BURSAR'S DEPARTMENT**

Rujukan: UKM BEN.400-6/12/1

Tarikh: 7 Disember 2022

Dekan/ Pengarah/ Ketua/ Pengetua  
Fakulti/ Institut/ Pusat/ Jabatan/ Kolej Kediaman  
Universiti Kebangsaan Malaysia

YBhg. Prof. Ulung/ Prof./ Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

**PENYEDIAAN MAKLUMAT PERANCANGAN PEROLEHAN TAHUNAN UNTUK TAHUN 2023**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PK2.1 Perkara 3 dan merujuk kepada Pekeliling Bendahari Bil 12/2022 Garis Panduan Penyediaan Cadangan Anggaran Bajet Operasi Universiti Kebangsaan Malaysia Bagi Tahun 2023, perkara 5.6, perancangan perolehan dan senarai kontrak semasa perlu disediakan oleh PTj bagi memastikan perolehan diuruskan dengan efisien dan bekalan barang, perkhidmatan serta kerja dapat diperolehi dalam tempoh masa yang dikehendaki. Perancangan perolehan tahunan ini juga perlu disediakan supaya perolehan dapat dilaksanakan dengan terancang dan teratur serta mengelakkan amalan berbelanja di penghujung tahun atau di saat-saat akhir.

3. Sehubungan itu, PTj hendaklah menyediakan maklumat perancangan perolehan tahunan bagi tahun 2023 bagi perolehan yang melebihi RM50,000.00 meliputi bekalan/perkhidmatan/kerja tanpa mengira peruntukan termasuk geran penyelidikan. PTj hendaklah menyediakan perancangan perolehan menggunakan **Jadual Umum Perancangan Perolehan Tahunan Bagi Tahun 2023 (UKM-SPKP-PKU04-BO03)** seperti di lampiran dan perlu dikemukakan kepada Bahagian Perolehan, Jabatan Bendahari **sebelum atau pada 30 Disember 2022**.

4. Perancangan perolehan yang disediakan perlu mengambilkira tempoh mula pelawaan / iklan Sebut Harga dan Tender seperti berikut:



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 02549

CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2013

CERT. NO. ISMS 00249

**JABATAN BENDAHARI**

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia  
Tel.: +603-8921 3000 E-mel: [kualitijbend@ukm.edu.my](mailto:kualitijbend@ukm.edu.my) Web: [www.ukm.my/bendahari](http://www.ukm.my/bendahari)

Kaedah Perolehan	Tempoh Mula Pelawaan / Iklan
Sebut Harga	Selewat-lewatnya 4 bulan sebelum diperlukan
Tender	Selewat-lewatnya 6 bulan sebelum diperlukan
Sebut Harga / Tender berterusan (bekalan / perkhidmatan tidak boleh terputus)	Selewat-lewatnya 8 bulan sebelum kontrak semasa tamat.

5. Sebarang pertanyaan lanjut berkaitan perkara ini boleh diajukan kepada Bahagian Perolehan, Jabatan Bendahari di talian 03-8921 5681 / 3131 / 3535 / 5033 atau emel [syifaa@ukm.edu.my](mailto:syifaa@ukm.edu.my) / [norirwan@ukm.edu.my](mailto:norirwan@ukm.edu.my) / [nuraina@ukm.edu.my](mailto:nuraina@ukm.edu.my) / [nadia@ukm.edu.my](mailto:nadia@ukm.edu.my)

Sekian. Terima kasih.

**“Akauntabiliti Pegangan Kita”**

Yang benar,



**MOHD AZLI BIN MOHD KASIRUN** C.A.(M)  
Bendahari  
Universiti Kebangsaan Malaysia

- s.k.
- Naib Canselor, UKM
  - Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), UKM
  - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Pelajar), UKM
  - Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri, Alumni & Masyarakat), UKM
  - Pro Naib Canselor (Strategik dan Pembangunan Korporat), UKM
  - Pro Naib Canselor (Penjanaan dan Prasarana), UKM
  - Pro Naib Canselor (Kampus Kuala Lumpur)
  - Pendaftar, UKM
  - Ketua Perpustakaan, UKM
  - Penasihat Undang-Undang, UKM



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 02549

CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2013

CERT. NO. ISMS 00249

**JABATAN BENDAHARI**

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia  
Tel.: +603-8921 3000 Faks: +603-8921 3058 E-mel: [kualitijbend@ukm.edu.my](mailto:kualitijbend@ukm.edu.my) Web: [www.ukm.my/bendahari](http://www.ukm.my/bendahari)

Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • *Inspiring Futures, Nurturing Possibilities*

[www.ukm.my](http://www.ukm.my)